



KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM *MY KAMPUNG MY FUTURE* DI MALAYSIA

FATIN NUR AQMAR BINTI ISHAK



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019





KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM *MY KAMPUNG MY FUTURE* DI MALAYSIA

FATIN NUR AQMAR BINTI ISHAK



TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوتورستتي قنديدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (/)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 20 (hari bulan) September (bulan) 2019

i. Perakuan pelajar:

Saya, FATIN NUR AQMAR BINTI ISHAK, P20161000105, FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM MY KAMPUNG MY FUTURE DI MALAYSIA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. RIDZWAN BIN CHE' RUS (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM MY KAMPUNG MY FUTURE DI MALAYSIA (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/ sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH DOKTOR FALSAFAH SAINS PERTANIAN (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10 OKTOBER 2019

Tarikh



Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS
PROJEK *DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM***

Tajuk / Title: KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM MY KAMPUNG MY
FUTURE DI MALAYSIA

No. Matrik /Matric No.: P20161000105
Saya / I: FATIN NUR AQMAR BINTI ISHAK
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follow:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (/) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (/) from the categories below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia/ Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 10 OKTOBER 2019

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT dan TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/ organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan pelaksanaan program *My Kampung My Future (MKMF)* dan membangun kerangka pelaksanaannya dengan menggunakan pendekatan model penilaian KIPP meliputi empat dimensi iaitu konteks, input, proses dan produk rekaan Stufflebeam (1970). Pendekatan bagi kajian ini adalah kaedah tinjauan yang meliputi instrumen soal selidik dan protokol temu bual. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah yang merangkumi tujuh buah negeri di Malaysia. Seramai 212 orang peserta *MKMF* terlibat dalam kajian kuantitatif manakala 18 orang terlibat dengan kajian temu bual sebagai data sokongan. Kerangka pelaksanaan program ini meliputi dimensi konteks yang menekankan aspek persekitaran iaitu dari sudut kesesuaian objektif dengan tujuan program, pengetahuan dan kemahiran serta minat peserta *MKMF* (min=4.04, sisihan piawai=0.572). Dimensi input pula berkaitan sudut peranan peserta, peralatan, kemudahan dan peruntukan kewangan serta pencapaian matlamat dalam program *MKMF* (min=3.84, sisihan piawai=0.663). Berkaitan dimensi proses mencakupi sudut strategi pelaksanaan dalam mencapai objektif program *MKMF* (min=3.90, sisihan piawai=0.569). Akhir sekali dimensi produk melibatkan sudut pencapaian objektif program *MKMF* (min=3.91, sisihan piawai=0.607). Maka jelas menunjukkan bahawa keperluan kepada kerangka pelaksanaan program *MKMF* adalah sangat diperlukan. Kerangka pelaksanaan program *MKMF* boleh digunakan sebagai panduan dalam pelaksanaan program agar lebih berkesan dan melakukan penambahbaikan berterusan. Ia juga dapat menyediakan maklumat untuk menggalakkan penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian dalam usaha menjamin kecukupan sumber bekalan makanan.





THE EFFECTIVENESS OF IMPLEMENTATION MY KAMPUNG MY FUTURE PROGRAM IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study aimed to evaluate the effectiveness of implementation MKMF (My Kampung My Future) program and develop framework using KIPP evaluation model as an approach covered four dimensions namely context, input, process and product by Stufflebeam (1970). The approach of this study is a survey method which included questionnaire and interview protocol instruments. This study used a simple random sampling method involving seven states in Malaysia. A total of 212 MKMF participants were involved in this quantitative study while 18 peoples involved with an interview as supplementary data. The implementation framework model encompassed a context dimension emphasizing the environmental aspects, i.e. from the perspective of objective suitability with purpose of program, knowledge and skills as well as the interest of MKMF participants (mean=4.04, standard deviation=0.572). Input dimension was also pertained to the participants' role, equipment, facilities and financial allocation as well as achievement of goals in the MKMF program (mean=3.84, standard deviation=0.663). The process dimension embraced the implementation strategy in achieving the objectives of the MKMF program (mean=3.90, standard deviation=0.569). Lastly is product dimension involved the point of achievement of the objective of the MKMF program (mean=3.91, standard deviation=0.607). Hence, it is clear that the MKMF program implementation framework is highly needed. The MKMF program implementation framework can be used as a guideline in the implementation of the program to be more effective and for continuous improvements. It can also provide an information that encourage the involvement of youths in the agricultural sector in order to ensure adequate supply of food.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Persoalan Kajian	13
1.6	Kepentingan Kajian	13
1.7	Kerangka Kajian	15
1.7.1	Kerelevanan Pemilihan Model Penilaian KIPP Sebagai Kerangka Kajian	19
1.8	Batasan Kajian	20
1.9	Definisi Operasional	21

1.9.1	Program <i>My Kampung My Future</i>	21
1.9.2	Penilaian Program	22
1.9.3	Model Penilaian KIPP	22
1.9.4	Dimensi Konteks	23
1.9.5	Dimensi Input	23
1.9.6	Dimensi Proses	24
1.9.7	Dimensi Produk	24
1.9.8	Keberkesanan Program	24
1.9.9	Penambahbaikan Program	25
1.10	Rumusan	25

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	26
2.2	Konsep Penilaian	27
2.3	Penilaian Program	28
2.4	Model Penilaian	29
2.4.1	Model Penilaian CIRO	30
2.4.2	Model Penilaian Kirkpatrick	31
2.4.3	Model Penilaian KIPP	33
2.4.3.1	Penilaian Konteks	35
2.4.3.2	Penilaian Input	36
2.4.3.3	Penilaian Proses	36
2.4.3.4	Penilaian Produk	37
2.5	Program <i>My Kampung My Future</i>	39
2.6	Keberjayaan <i>Program My Kampung My Future</i>	41

2.7	Sektor Pertanian Di Malaysia	45
2.8	Kepentingan Sektor Pertanian	49
2.9	Isu Ketidacukupan Sumber Bekalan Makanan	51
2.10	Dasar Pertanian Negara Pertama	60
2.11	Dasar Pertanian Negara Kedua	61
2.12	Dasar Pertanian Negara Ketiga	63
2.13	Dasar Pertanian negara Keempat	64
2.14	Dasar Agromakanan Negara	64
2.15	Dasar Jaminan Bekalan Makanan	72
2.16	Rancangan Malaysia Kesembilan	74
2.17	Rancangan Malaysia Kesepuluh	76
2.18	Rancangan Malaysia Kesebelas	78
2.19	Kemajuan Sektor Pertanian Di Malaysia	80
2.20	Kemajuan Sektor Penternakan dan Sektor Perikanan	85
2.21	Kemajuan Industri Pemprosesan Makanan dan Industri Kecil dan Sederhana	86
2.22	Sekuriti Makanan	89
2.23	Pertanian Adalah Perniagaan	93
2.24	Isu dan Cabaran Dalam Sektor Pertanian	94
2.25	Golongan Belia dan Pendidikan Sains Pertanian	112
2.26	Isu dan Cabaran Pengangguran Golongan Belia	121
2.27	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Golongan Belia dan Sektor Pertanian	130
2.28	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Model Penilaian KIPP	133
2.29	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Penggunaan Perisian <i>Smart-PLS</i>	145
2.30	Rumusan	147

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	149
3.2	Reka Bentuk Kajian	149
3.3	Populasi dan Sampel	150
3.4	Instrumen Kajian	153
3.4.1	Instrumen Soal Selidik	155
i.	Bahagian A: Demografi	155
ii.	Bahagian B: Dimensi Konteks, Dimensi Input, Dimensi Proses dan Dimensi Produk	155
3.4.2	Instrumen Temu Bual	157
i.	Bahagian A: Demografi	158
ii.	Bahagian B: Dimensi Konteks, Dimensi Input, Dimensi Proses dan Dimensi Produk	158
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	159
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	161
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	164
3.8	Kajian Rintis Soal Selidik	165
3.9	Kajian Rintis Protokol Temu Bual	169
3.10	Rumusan	171

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	173
4.2	Ujian Normaliti	174
4.3	Demografi Responden	175
4.4	Demografi Peserta <i>My Kampung My Future</i>	175
4.5	Hasil Dapatan Kuantitatif dan Temu Bual	182

4.5.1	Persoalan Kajian Pertama	184
4.5.2	Persoalan Kajian Kedua	189
4.5.3	Persoalan Kajian Ketiga	193
4.5.4	Persoalan Kajian Keempat	198
4.5.5	Persoalan Kajian Kelima	201
4.6	Cadangan Kerangka Pelaksanaan Program <i>My Kampung My Future</i>	210
4.7	Rumusan	216

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	217
5.2	Kesimpulan dan Rumusan Kajian	218
5.3	Perbincangan Hasil Dapatkan Kajian	221
5.3.1	Penilaian Dimensi Konteks	221
5.3.2	Penilaian Dimensi Input	232
5.3.3	Penilaian Dimensi Proses	240
5.3.4	Penilaian Dimensi Produk	255
5.4	Sumbangan Kajian	267
5.5	Implikasi Kajian	270
5.5.1	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)	272
5.5.2	Jabatan Pertanian	272
5.5.3	Malaysia Agricultural Research Development Institute (MARDI)	273
5.5.4	Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA)	273
5.5.5	Peserta Program <i>My Kampung My Future</i>	274

5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	274
5.7	Rumusan	275
RUJUKAN		278
LAMPIRAN		295



SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

2.1	Statistik Enrolmen Pelajar Prasiswazah Bagi Pengajian Pertanian Tahun 2010	119
3.1	Reka Bentuk Kajian	150
3.2	Jumlah Populasi dan Sampel	151
3.3	Jumlah Populasi dan Sampel Mengikut Negeri	152
3.4	Skala Likert Mengikut Lima Tahap	154
3.5	Ringkasan Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Analisis Data	163
3.6	Kajian Rintis	168
4.1	Ujian Normaliti	174
4.2	Jantina Peserta <i>My Kampung My Future</i>	176
4.3	Umur Peserta <i>My Kampung My Future</i>	176
4.4	Tahap Pendidikan Peserta <i>My Kampung My Future</i>	177
4.5	Pendapatan Bulanan Sebelum Menyertai Program <i>My Kampung My Future</i>	178
4.6	Pendapatan Bulanan Selepas Menyertai Program <i>My Kampung My Future</i>	179
4.7	Bidang Diceburi Oleh Peserta <i>My Kampung My Future</i>	179
4.8	Tahun Penglibatan Dalam Program <i>My Kampung My Future</i>	180
4.9	Bilangan <i>Mentee</i>	180
4.10	Bilangan Isi Rumah	181
4.11	Bilangan Tanggungan Masih Bersekolah	181
4.12	Saluran Mengetahui Program <i>My Kampung My Future</i>	182
4.13	Persetujuan Mempromosi Program <i>My Kampung My Future</i>	182





4.14	Kategori Nilai Min	183
4.15	Nilai Min dan Sisihan Piawai Dimensi Konteks	184
4.16	Nilai Min dan Sisihan Piawai Dimensi Input	190
4.17	Nilai Min dan Sisihan Piawai Dimensi Proses	194
4.18	Nilai Min dan Sisihan Piawai Dimensi Produk	199
4.19	Kebolehpercayaan Dimensi Konteks	203
4.20	Kebolehpercayaan Dimensi Input	203
4.21	Kebolehpercayaan Dimensi Proses	204
4.22	Kebolehpercayaan Dimensi Produk	205
4.23	Jadual <i>Cross Loadings</i>	206
4.24	Keputusan Analisis Kesahan Diskriminan	207
4.25	Nilai <i>Coefficients of Determination</i> (R^2)	207
4.26	Pembolehubah Endogenous	208
4.27	Kategori <i>Effect Sizes</i> (f^2)	208
4.28	Nilai <i>Effect Sizes</i> (f^2)	209
4.29	Keputusan Analisis <i>Path Coefficients</i> (β)	210





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Kajian	18
2.1	Empat Dimensi Model Penilaian KIPP	37
2.2	Kadar Pengangguran Belia Tahun 2015	126
2.3	Kadar Pengangguran Mengikut Umur Tahun 2015	127
3.1	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	160
3.2	Model Reflektif	162
3.3	Model Formatif	163
5.1	Dapatan Kerangka Pelaksanaan Program <i>My Kampung My Future</i>	212
5.2	Cadangan Kerangka Pelaksanaan Program <i>My Kampung My Future</i>	213



**SENARAI SINGKATAN**

Agricultural Science Achievement Test	ASAT
Amalan Pertanian Baik	APB
Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi	NKEA
Dasar Agromakanan Negara	DAN
Dasar Jaminan Bekalan Makanan	DJBM
Dasar Pertanian Negara	DPN
Dasar Pertanian Negara Kedua	DPN-2
Dasar Pertanian Negara Keempat	DPN-4
Dasar Pertanian Negara Ketiga	DPN-3
Dasar Pertanian Negara Pertama	DPN-1
Dasar Sekuriti Makanan Malaysia	DSMM
Diploma Kemahiran Malaysia	DKM
Diploma Perguruan Lepas Ijazah	DPLI
Eksekutif Latihan Vokasional	VTE
Federal Agricultural Marketing Authority	FAMA
Hasil Pembelajaran	CLO
Industri Kecil dan Sederhana	IKS
Information and Communication Technology	ICT
International Labour Organization	ILO
Kawasan Pengairan Muda	KADA
Keluaran Dalam Negara Kasar	KDNK
Kemajuan Johor Tenggara	KEJORA
Kemajuan Terengganu Tengah	KETENGAH
Kementerian Pendidikan Malaysia	KPM
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	MOA
Kolej Pertanian Malaysia	KPM
Konteks, Input, Proses dan Produk	KIPP
Konteks, Input, Reaksi dan Hasil	CIRO
Kurikulum Pendidikan Islam	KPI
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	LKIM
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan	KESEDAR
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	FELDA
Lembaga Minyak Sawit Malaysia	MPOB
Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan	NATC
Malaysian Agricultural Research and Development	MARDI
Makanan Selamat Teknologi Industri	MeSTI
Malaysia Abroentrepreneurial Club for University Students	MYAGROSIS
Malaysia Agriculture, Horticulture and Tourism	MAHA
Malaysia Agro Exposition Park Serdang	MAEPS



Malaysian Good Agricultural Practices	MyGAP
Mata Pelajaran Vokasional	MPV
My Kampung My Future	MKMF
Objektif Program Pendidikan	PEO
Participatory Action Research	PAR
Pegawai Latihan Vokasional	VTO
Pendapatan Negara Kasar	PNK
Pelan Induk Perindustrian I	PIP I
Pelan Induk Perindustrian II	PIP II
Pengajaran dan Pembelajaran	PdP
Penyelidikan dan Pembangunan	R&D
Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu	FAO
Perusahaan Kecil dan Sederhana	PKS
Program Hasil Pembelajaran	PLO
Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan	PLKPK
Program Latihan Vokasional	VTM
Pusat Fidlot Nasional	PFN
Rancangan Malaysia Kesebelas	RMK-11
Rancangan Malaysia Kesembilan	RMK-9
Rancangan Malaysia Kesepuluh	RMK-10
Research and Development and Commercialization	R&D&C
Sijil Kemahiran Malaysia	SKM
Sistem Latihan Dual Nasional	SLDN
Skim Amalan Ladang Baik Malaysia	SALM
Smart Partial Least Square	Smart-PLS
Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga	TEKUN Nasional
Taman Kekal Pengeluaran Makanan	TKPM
Universiti Darul Iman Malaysia	UDM
Universiti Kebangsaan Malaysia	UKM
Universiti Malaya	UM
Universiti Malaysia Kelantan	UMK
Universiti Malaysia Kelantan	UMK
Universiti Malaysia Sabah	UMS
Universiti Malaysia Sarawak	UNIMAS
Universiti Malaysia Terengganu	UMT
Universiti Putra Malaysia	UPM
Universiti Teknologi Malaysia	UTM
Universiti Teknologi MARA	UiTM
Universiti Utara Malaysia	UUM
Zon Industri Akuakultur	ZIA



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Dahulunya sektor pertanian hanya memfokuskan kepada pertanian sara diri sahaja. Sektor pertanian juga begitu sinonim dengan pengeluaran hasil produk makanan serta barangan. Pada peringkat awal fungsi pertanian adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan asas manusia semata-mata iaitu makanan dan minuman (Abdul Rasid, Nurul Ikhwan, Ahmad, Jamaludin dan Mohd Zaid, 2009). Berikutan kepada peningkatan secara mendadak bilangan jumlah penduduk, maka ianya telah berubah kepada bidang perniagaan atau keusahawanan yang menguntungkan dan lumayan. Dalam pada masa yang sama menjamin kecukupan sumber bekalan makanan dan mampu menjana ekonomi serta pendapatan negara. Malah turut merangkumi pelbagai aspek yang berkaitan dengan sektor pertanian.





Sektor pertanian turut merangkumi banyak aspek seperti dana tanah, kepelbagaian pertanian, saiz tanah, pengeluaran sumber pertanian, tenaga buruh, kemudahan dan peralatan serta teknologi yang sesuai (Manescu, Mateoc dan Mateoc-Sirb, 2014). Banyak aspek yang menjadi penyumbang kepada keberjayaan dalam sektor pertanian yang juga mampu menjamin kecukupan sumber pengeluaran makanan. Sektor pertanian juga turut merangkumi sektor-sektor seperti sektor penternakan, sektor perikanan, industri pemprosesan makanan dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Pelbagai usaha kerajaan dalam membangunkan sektor pertanian dapat dilihat dalam pelbagai dasar yang berkaitan kecukupan sumber bekalan makanan.

Pembangunan dalam sektor pertanian adalah berpandukan kepada Dasar Agromakanan Negara (DAN) (2011-2020), Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBK) (2008) dan Dasar Komoditi Negara (DKM) (2011-2020) yang bermatlamatkan peningkatan dalam pengeluaran hasil makanan dan eksport komoditi industri (Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) 2016-2020). Hal berkaitan dengan pengeluaran hasil makanan amat penting dalam menjamin kesinambungan generasi pada masa hadapan. Ini adalah kerana masalah kekurangan bekalan sumber makanan boleh menyumbang kepada pelbagai gejala negatif seperti jangkitan pelbagai penyakit, kekurangan zat makanan malah penyebab kepada faktor kematian. Dalam konteks ini pengeluaran bekalan sumber makanan dunia mampu meningkat dan terjamin apabila wujudnya penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian. Selain mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.





Sehubungan dengan itu sektor pertanian merupakan salah satu elemen yang terkandung dalam Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA). Sektor pertanian turut memberi fokus kepada subsektor yang berpotensi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Dalam hal ini antara subsektor-subsektor tersebut adalah seperti akuakultur, rumpai laut, produk herba bernilai tinggi dan buah-buahan serta sayur-sayuran yang juga bertindak sebagai pembekal kepada kecukupan sumber makanan (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, 2018). Berikutan kepada peningkatan terhadap permintaan secara mendadak terhadap produk-produk tersebut, maka menjadi penyebab utama para petani dan para penternak serta pengeluar-pengeluar bahan makanan untuk menjana pendapatan berimpak tinggi. Dalam pada yang sama secara tidak langsung mereka telah menceburi bidang keusahawanan berkaitan sektor masing-masing dan mampu menghasilkan produk keluaran sendiri yang bermutu tinggi.



1.2 Latar Belakang Kajian

Berdasarkan Bezu dan Holden (2014) berpendapat bahawa sektor pertanian bertindak sebagai tulang belakang negara dan sentiasa relevan dalam arus perkembangan semasa dan mampu menampung keperluan negara serta masyarakat. Namun demikian untuk menceburi sektor pertanian secara komersial semestinya memerlukan ilmu dan kepakaran serta modal yang besar. Dalam konteks ini jelas menampakkan bahawa pihak berwajib perlu berganding bahu dalam penyediaan pelbagai insentif menarik bertujuan memastikan golongan belia berminat menceburi sektor pertanian. Seperti contoh penyediaan kemudahan yang bersesuaian untuk memulakan perniagaan berkaitan pertanian . Peralatan atau pun teknologi





yang bersesuaian dan mencukupi untuk kegunaan seharian bertujuan untuk memenuhi permintaan pelanggan. Meskipun begitu khidmat nasihat juga amat penting dalam penyelesaian suatu masalah dan peningkatan aspek pengetahuan serta kemahiran yang bertujuan menjamin kecukupan sumber bekalan makanan.

Pengabaian terhadap industri tanaman makanan telah berlaku sejak negara memfokuskan kepada sektor perindustrian *Federal Agricultural Marketing Authority* (FAMA, 2016). Namun kerajaan berharap agar negara juga turut memberi perhatian kepada sektor-sektor yang berkait rapat dengan pengeluaran sumber bahan makanan dan menitik beratkan penglibatan golongan belia menetap di kampung. Rentetan daripada itu pihak kerajaan telah pun menganjurkan program yang berkonsepkan pengeluaran sumber makanan bagi menyahut seruan kerajaan agar memfokuskan juga sektor-sektor yang berkonsepkan pengeluaran makanan dalam usaha mengurangkan pengimportan sumber bahan makanan.

Berdasarkan FAMA (2016) menyatakan bahawa negara terpaksa mengimport bahan makanan lebih daripada 120 buah negara. Seperti Afrika, Australia, India, Thailand dan China. Pada tahun 2014, negara telah mengimport sebanyak RM42.6 bilion bahan makanan. Selain itu juga sebanyak RM1.68 bilion telah dibelanjakan untuk mengimport bahan makanan mentah seperti daging ayam, daging lembu, daging kerbau dan sebagainya. Negara yang terlibat dengan import daging mentah adalah seperti Australia, Amerika Syarikat dan beberapa negara lain lagi. Bagi mengurangkan import bahan makanan mentah, negara perlu mewujudkan pelbagai inisiatif yang bertujuan untuk menarik minat lebih ramai golongan belia untuk menceburi sektor-sektor berkaitan pengeluaran sumber bahan makanan. Dalam





pada masa yang sama mampu menurunkan kadar kebergantungan terhadap bahan import yang menjadi penyebab utama kepada kenaikan harga barangan di pasaran. Selain tidak mengabaikan hal berkaitan keselamatan tanaman makanan.

Sejak negara beralih kepada sektor perindustrian, pengabaian telah berlaku terhadap keselamatan tanaman makanan. Pada tahun 2015 agromakanan seperti padi, buah-buahan dan sayur-sayuran serta beberapa lagi tanaman lain turut menyumbang sebanyak 20.1 peratus kepada Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) dalam sektor pertanian. Namun demikian negara hanya mampu mengeluarkan telur, ayam dan daging khinzir (FAMA, 2016). Rentetan daripada itu kerajaan menggesa agar negara lebih memfokuskan kepada industri tanaman makanan yang mampu menjamin kecukupan sumber bekalan makanan pada masa kini dan masa hadapan serta mengurangkan kadar pengimportan sumber bahan makanan. Dalam pada masa yang sama mampu memperkasa sektor pertanian yang bertujuan melahirkan usahawan tani.

Berkaitan dengan itu dalam pelaporan pelan pembangunan pertanian Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang telah dilancarkan pada tahun 2011 (2011-2015) menyatakan usaha kerajaan memperkasakan sektor pertanian yang mampu menjana pendapatan negara dalam usaha melahirkan usahawan tani di kalangan golongan belia yang berpendidikan tinggi terutamanya. Dalam pada masa yang sama mengubah persepsi golongan belia terhadap sektor pertanian (Jabatan Pertanian, 2011). Dalam hal ini jelas menampakkan bahawa usaha kerajaan menonjolkan kepelbagaian yang terdapat dalam sektor pertanian yang juga meliputi bidang perniagaan dan keusahawanan serta pengeluaran sumber makanan.





Sehubungan dengan itu banyak program berunsurkan sektor pertanian yang telah dijalankan oleh kerajaan.

Dewasa ini banyak program yang telah dijalankan oleh kerajaan dalam usaha memastikan kemajuan negara seiring dengan negara maju yang lain. Khususnya program yang berkaitan penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian. Seperti yang sedia maklum golongan belia merupakan aset terpenting negara dalam memacu ekonomi negara ke arah yang lebih maju. Dalam pada masa yang sama sektor pertanian juga merupakan sektor pertama terpenting diikuti dengan sektor perindustrian lanjutan daripada sektor pertanian (*Ministry of Agriculture*) (MOA, 2012). Dalam hal ini jelas menonjolkan kepentingan sektor pertanian dalam menjana ekonomi negara dan memacu kepada kemajuan negara amnya serta penduduk khususnya. Antara program tersebut adalah seperti program *My Kampung My Future* (MKMF).

Menurut MOA (2012) kerajaan telah menganjurkan program yang mampu menarik lebih minat golongan belia dalam sektor pertanian. Dalam konteks ini program tersebut dikenali sebagai *My Kampung My Future* (MKMF)- Kampungku Masa Depan Ku yang bertujuan untuk meningkatkan dan menggalakkan penglibatan golongan belia di kawasan luar bandar dalam aktiviti ekonomi yang mampu menjana pendapatan serta ekonomi negara. Dalam pada masa yang sama mampu mengenal pasti kekuatan yang terdapat pada setiap kampung dalam subsektor pertanian tertentu malah mampu meningkatkan industri agromakanan yang keseluruhan sumbernya adalah hasil daripada sektor pertanian itu sendiri. Selain itu





penganjuran program *MKMF* juga adalah disebabkan oleh permintaan mendadak terhadap hasil produk pertanian.

Berkaitan dengan itu dalam pelaporan DAN (2011-2020) berikutan kepada permintaan hasil produk pertanian yang semakin meningkat secara mendadak telah memberi peluang kepada kumpulan sasaran dalam industri agromakanan menambah sumber pendapatan. Fokus utama pengeluaran hasil dan produk pertanian semestinya yang berkualiti tinggi, berkhasiat dan selamat dimakan bagi memastikan ianya mampu bersaing di peringkat global. Menurut Rafiqah dan Aziz (2015) kadar kebergantungan yang tinggi kepada sumber makanan import memberi impak yang sangat besar kepada negara sekira berlakunya krisis makanan dunia. Dalam konteks ini kadar kebergantungan wajar dielakkan bagi menjamin status ke arah negara maju.

Di samping mampu meningkatkan lagi aliran wang keluar masuk negara.



Negara-negara maju seperti Jepun, Belanda dan Amerika Syarikat telah pun mengiktiraf sektor pertanian setaraf dengan sektor-sektor besar yang lain. Tambahan lagi sektor pertanian juga mampu menyediakan peluang pekerjaan dan memberikan pulangan yang besar jika ianya diusahakan dengan baik dan sistematik. Dalam hal ini jelas menunjukkan bahawa petani moden juga berupaya menjadi jutawan dan mampu menghasilkan produk sendiri yang juga berkualiti tinggi (Norhasni, Mohd Ashraff, Mohd Anuar dan Anzar, 2015). Sektor pertanian sebenarnya telah berjaya mencapai taraf tinggi kerana telah menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara. Dalam hal ini adalah berikutan kepada kewujudan pelbagai keunikan di dalamnya dan juga mampu memberi manfaat yang sangat berharga kepada generasi masa kini dan masa hadapan serta boleh dijadikan





sumber pendapatan utama yang lumayan. Atau dengan kata lain mampu menjana pendapatan berimpak tinggi. Meskipun demikian golongan belia yang menceburi sektor pertanian juga dianggap istimewa.

Penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian dianggap istimewa dan patut mendapat pujian kerana berjaya berbakti kepada tanah serta berupaya mengaplikasikan teknologi moden dalam sektor yang diceburi (Brian dan Peterson, 2011). Ini adalah kerana tidak ramai golongan belia yang berminat dan berani untuk menceburi sektor pertanian. Sehubungan dengan itu mereka yang telah berjaya mengaplikasikan teknologi moden juga bersifat istimewa kerana tidak ramai golongan belia yang berminat untuk meneroka sesuatu yang baharu kerana beranggapan ianya menyusahkan dan membuang masa serta rumit. Malahan mereka juga berpendapat bahawa tanah bersifat kotor dan tidak mempunyai nilai komersial yang tinggi.

Menurut Sabri (2009) berpendapat bahawa golongan belia kurang berminat menceburi sektor pertanian adalah disebabkan oleh tanggapan mereka bahawa sektor ini hanya sesuai dipelopori oleh golongan lanjut usia dan orang kampung sahaja. Dalam hal ini mereka lebih selesa dan berminat untuk berniaga dalam keadaan yang bersih dan selesa serta sering mengaitkan sektor pertanian dengan kawasan kampung. Mereka tidak sedar akan kepentingan dan kepelbagaian yang terdapat dalam sektor pertanian. Dalam hal ini sektor pertanian sebenarnya mampu menjamin keuntungan yang berimpak tinggi. Oleh yang demikian golongan belia harus bijak merebut peluang dalam menjana pendapatan berimpak tinggi melalui program-program yang telah dijalankan oleh kerajaan. Ini adalah kerana peningkatan minat boleh juga





dipengaruhi oleh pendapatan yang berimpak tinggi. Namun setiap program yang telah dijalankan perlu melalui proses penilaian dalam usaha menjamin keberkesanannya pada masa kini dan masa hadapan serta melakukan proses penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Dalam usaha memupuk minat golongan belia berkecimpung dalam sektor pertanian dan menjamin keberkesanan program, maka satu kajian telah dijalankan dalam usaha menilai keberkesanan pelaksanaan program *MKMF* dengan menggunakan pendekatan model penilaian KIPP yang meliputi empat dimensi penting iaitu konteks, input, proses dan produk. Menurut Stufflebeam, Folely, Gephart, Guba, Hammond, Merriman dan Provus (1971) model penilaian KIPP berfungsi dalam membuat penilaian sama ada semasa, sebelum dan selepas program dijalankan. Malah mampu memenuhi kehendak perancangan dan pentadbiran program serta memperbaiki maklumat yang dijadikan panduan dalam usaha merancang suatu program. Seterusnya membangunkan kerangka model penilaian pelaksanaan program yang boleh dijadikan panduan dalam menjamin keberkesanan program tersebut.

Walaupun penganjuran program *MKMF* telah berjalan selama tujuh tahun akan tetapi yang menjadi persoalannya adalah sejauh manakah program ini telah mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan oleh pihak MOA dalam usaha menarik minat dan perhatian golongan belia untuk menceburi sektor pertanian yang juga mampu meningkatkan pendapatan dan ekonomi negara sekaligus. Tambahan lagi program *MKMF* juga berupaya mengurangkan kadar penghijrahan dan pengangguran di kalangan golongan belia yang berpendidikan tinggi. Selain itu





faktor kurang berkemahiran turut menyumbang kepada peningkatan kepada hal-hal tersebut.

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut African Development Bank (2012) berpendapat bahawa golongan belia yang kurang berkemahiran menjadi penyebab utama mereka sukar untuk mendapatkan suatu pekerjaan. Rentetan daripada itu salah satu usaha murni kerajaan dalam menarik minat golongan belia menceburi sektor pertanian adalah dengan mewujudkan program *MKMF* yang berkonsepkan penjana pendapatan melalui keusahawanan. Walaubagaimanapun masih belum terdapat kajian yang menggalakkan golongan belia menetap di kampung dan dalam masa yang sama mampu menjana pendapatan.



Menurut Norhasni et. al (2015) turut menjelaskan bahawa bagi memastikan sektor pertanian mampu menarik minat golongan belia dan dipandang tinggi, kerajaan perlu menyediakan pelbagai insentif serta kemudahan yang berkaitan. Walaubagaimanapun kajian yang telah dilakukan oleh Harris dan Todaro (1970) menyatakan golongan belia beranggapan tangga gaji di kawasan bandar jauh lebih tinggi berbanding di kawasan kampung. Namun demikian masih belum terdapat kajian yang mengkaji aspek peningkatan taraf hidup penduduk yang menetap di kampung berdasarkan sektor pertanian melalui program *MKMF*.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Bezu dan Holden (2014) menyatakan bahawa kurangnya penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian adalah berpunca daripada sumber tanah yang agak terhad dan sekatan berkenaan





penggunaan tanah. Tambahan lagi Azam dan Gubert (2006) pula berpendapat golongan belia lebih berminat untuk berhijrah di tempat yang mempunyai sifat geografinya hampir sama dengan perkampungan mereka walaupun berlainan adat dan budaya. Namun begitu kajian tersebut tidak pula menekankan pendekatan lebih spesifik yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan dalam memupuk minat golongan belia menceburi sektor pertanian seperti yang terkandung dalam program *MKMF*.

Walaubagaimanapun Bezu dan Holden (2015) pula berpendapat punca utama penghijrahan golongan belia ke bandar adalah bertujuan untuk lari daripada masalah kemiskinan yang membelenggu kehidupan mereka di kampung. Meskipun demikian demikian masih belum terdapat kajian yang menyarankan agar golongan belia menyertai program *MKMF* anjuran pihak MOA yang mampu menjamin hasil keuntungan lumayan yang berimpak tinggi. Dalam pada masa yang sama melakukan penilaian keberkesanan dan pemantauan terhadap program *MKMF*.

Sehubungan dengan itu penilaian keberkesanan dan pemantauan dalam suatu program adalah wajar dalam usaha memastikan kualiti dan impak yang tinggi bagi memenuhi keperluan semasa. Namun demikian menurut Stufflebeam (1971) tujuan penilaian dilakukan adalah untuk menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program. Menurut Shafril Izham (2016) menyatakan setakat ini masih tiada lagi kajian berkaitan penilaian program *MKMF* yang meliputi aspek keberkesanan. Oleh yang demikian kajian ini dilakukan untuk melihat penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian melalui program





MKMF. Dalam pada masa yang sama berupaya menjamin kecukupan sumber pengeluaran makanan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melakukan penilaian terhadap keberkesanan program *MKMF* melalui pendekatan model penilaian KIPP dan membangunkan kerangka model penilaian pelaksanaan program *MKMF*. Berikut adalah objektif yang dibina untuk kajian ini:

1.4.1 Menilai keberkesanan dimensi konteks yang meliputi persekitaran iaitu dari sudut kesesuaian objektif dengan tujuan program, pengetahuan dan kemahiran serta minat peserta program *MKMF*.



1.4.2 Menilai keberkesanan dimensi input dari sudut peranan peserta, peralatan, kemudahan dan peruntukan kewangan serta pencapaian matlamat dalam program *MKMF*.

1.4.3 Menilai keberkesanan dimensi proses dari sudut strategi pelaksanaan dalam mencapai objektif program *MKMF*.

1.4.4 Menilai keberkesanan dimensi produk dari sudut pencapaian objektif program *MKMF*.

1.4.5 Membangunkan kerangka pelaksanaan program bagi program *MKMF*.

1.5 Persoalan Kajian





Pengkaji turut mengemukakan beberapa persoalan dalam menentukan objektif kajian tercapai iaitu:

1.5.1 Sejauh manakah keberkesanan dimensi konteks yang meliputi aspek persekitaran iaitu kesesuaian objektif dengan tujuan program, pengetahuan dan kemahiran serta minat peserta program *MKMF* berlandaskan model penilaian KIPP?

1.5.2 Sejauh manakah keberkesanan dimensi input dari sudut peranan peserta, peralatan, kemudahan dan peruntukan kewangan serta pencapaian matlamat dalam program *MKMF* berlandaskan model penilaian KIPP?

1.5.3 Sejauh manakah keberkesanan dimensi proses dari sudut strategi pelaksanaan dalam mencapai objektif program *MKMF* berlandaskan model penilaian KIPP?

1.5.4 Sejauh manakah keberkesanan dimensi produk yang merangkumi pencapaian yang diperoleh oleh peserta *MKMF* berlandaskan model penilaian KIPP?

1.5.5 Apakah kerangka pelaksanaan program yang sesuai dengan program *MKMF*.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan program *MKMF* yang telah dijalankan melalui pendekatan model penilaian KIPP yang meliputi dimensi konteks, input, proses dan produk serta membangunkan kerangka pelaksanaan program *MKMF* yang boleh dijadikan panduan dalam memastikan kelancarannya. Sehubungan dengan itu hasil dapatan kajian dan maklumat berkaitan program





MKMF amat berguna kepada pihak yang berkenaan seperti MOA, Jabatan Pertanian, FAMA, *Malaysian Agricultural Research and Development Institute* (MARDI) dan agensi kerajaan serta agensi bukan kerajaan lain yang turut terlibat dalam program yang amat bermanfaat ini.

Sehubungan dengan itu banyak program yang telah dianjurkan oleh pihak berwajib akan tetapi ianya tidak dikaji selepas program tersebut dijalankan dalam usaha mendapatkan input yang positif dan memberangsangkan. Dalam pada masa yang sama proses penambahbaikan perlu dilakukan secara berterusan agar memberi impak atau kesan yang lebih positif pada masa hadapan.

Kajian ini juga berupaya mengurangkan isu pengangguran yang membelenggu golongan belia berpendidikan tinggi dan mampu menurunkan kadar penghijrahan di kalangan golongan belia ke bandar. Selain memajukan kawasan kampung berdasarkan subsektor-subsektor tertentu. Seterusnya membangunkan kerangka model penilaian pelaksanaan program yang bersesuaian dengan program *MKMF* dalam usaha melicinkan perjalanan program tersebut dan agar ianya nampak lebih sistematik dan terurus.

Sehubungan dengan itu segala maklumat yang diperoleh daripada hasil dapatan kajian ini juga mampu menonjolkan kepentingan penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian. Dalam pada masa yang sama sektor pertanian juga mampu menjana pendapatan berimpak tinggi. Malah mampu menjamin kecukupan sumber bekalan makanan.





1.7 Kerangka Kajian

Kerangka kajian yang diguna pakai dalam kajian ini adalah berdasarkan model penilaian KIPP Stufflebeam (1971) yang mempunyai empat dimensi penting meliputi konteks, input, proses dan produk seperti yang terdapat pada Rajah 1.1.

Dimensi pertama yang terdapat dalam model penilaian KIPP adalah penilaian konteks yang bertindak mewujudkan keperluan dan objektif yang perlu dicapai melalui program *MKMF*. Setiap program mempunyai keperluan dan objektifnya yang tersendiri. Namun demikian dalam kajian ini objektif utama program *MKMF* adalah untuk menarik lebih ramai golongan belia melibatkan diri dalam sektor pertanian. Dalam pada masa yang sama mampu menjamin hasil produk dalam sektor tersebut dan meningkatkan pendapatan peserta *MKMF* dengan hanya menetap di kampung serta menjamin kecukupan sumber bekalan makanan.

Dimensi kedua pula meliputi penilaian input yang membolehkan penentuan dengan pendekatan yang paling sesuai untuk memenuhi keperluan yang telah dikenal pasti. Dalam konteks ini lebih memfokuskan kepada kepelbagaian strategi dan cara yang digunakan oleh peserta *MKMF* dalam program *MKMF*.

Manakala dimensi ketiga pula adalah penilaian proses yang bertujuan menilai pelaksanaan program *MKMF*. Dalam hal ini fokusnya lebih menjurus kepada penilaian yang dilakukan terhadap proses implementasi program *MKMF* dan masalah dihadapi yang telah menghalang kelancaran program *MKMF*. Dengan kata lain perkara yang boleh mengganggu-gugat perjalanan program tersebut.





Dimensi terakhir adalah penilaian produk yang bertindak menilai hasil program *MKMF*. Dalam hubungan ini penilaian yang dilakukan adalah berkaitan pencapaian terhadap program *MKMF*.

Pengkaji cenderung memilih program *MKMF* sebagai program penilaian adalah disebabkan oleh kerajaan menggesa penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian yang mampu menjamin kecukupan sumber bekalan makanan. Seperti sedia maklum kerajaan telah melabur banyak dalam program *MKMF*. Maka kerajaan berharap program *MKMF* berupaya memberikan pulangan yang besar dalam ekonomi negara. Berkaitan dengan itu penilaian keberkesanan program *MKMF* dinilai berlandaskan model penilaian KIPP.



Model penilaian KIPP dipilih sebagai indikator dalam melakukan proses penilaian program *MKMF* adalah disebabkan oleh kemampuan dalam menyumbang kan hasil dapatan yang sesuai dan relevan terhadap program tersebut. Hasil dapatan kajian ini juga bertujuan untuk melakukan penambahbaikan secara berterusan terhadap program tersebut. Seiring dengan konsep yang telah diguna pakai dalam model penilaian KIPP berupaya menggambarkan, memperoleh dan memberikan maklumat yang berguna dalam usaha membuat keputusan dan bukannya bertujuan untuk menonjolkan kekurangan dalam suatu program yang telah dijalankan. Pengkaji juga turut mementingkan hasil dapatan kajian yang dapat membantu dalam membuat keputusan yang rasional dan berkesan tanpa sebarang *bias*.

Model penilaian KIPP juga mempunyai keistimewaannya tersendiri yang membolehkan pengkaji melakukan kerja penilaian sama ada sebelum, semasa atau selepas program dijalankan. Pengkaji juga berhak memilih untuk mengaplikasi






kesemua dimensi atau pun memilih satu dimensi sahaja. Hasil dapatan juga berupaya memudahkan pengkaji dalam membuat keputusan yang boleh dijadikan panduan oleh pihak berkaitan. Pengkaji juga boleh memilih sama ada program ini diteruskan, digubal, diperbaiki atau pun diberhentikan. Model penilaian KIPP lebih menekankan aspek pendekatan penambahbaikan secara berterusan bagi menjamin kesinambungan program tersebut pada masa hadapan.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif. Pengkaji mengguna pakai kaedah tinjauan iaitu dengan menggunakan instrumen soal selidik dan protokol temu bual. Instrumen soal selidik adalah merupakan data utama. Manakala protokol temu bual pula bertindak sebagai data sokongan bagi menguatkan hasil dapatan kajian. Setelah selesai melakukan kerja pengutipan data kajian, pengkaji menganalisis data dengan menggunakan perisian *SPSS* untuk mendapatkan data deskriptif dan data inferensi. Perisian *Smart Partial Least Square* atau *Smart-PLS* turut diguna pakai bagi tujuan membangunkan kerangka pelaksanaan program *MKMF*.





Rajah 1.1. Kerangka Kajian. Diubahsuai dari Finch dan Crunkilton (1989), Stufflebeam dan Shinkfield (2007), Azizi (2009), Fatimah (2009), Mohd Nordin (2011), Ghazali Yusri (2012) dan Azizi (2015)

1.7.1 Kerelevanan Pemilihan Model Penilaian KIPP Sebagai Kerangka Kajian

Pengkaji cenderung memilih model penilaian KIPP dalam menjalankan proses penilaian program *MKMF* adalah kerana ianya amat bersesuaian dalam menilai suatu program dan yang paling penting ianya menekankan konsep penambahbaikan secara berterusan Stufflebeam (1970) bagi menjamin kesinambungan suatu program pada masa hadapan.

Menurut Azizi (2015) beranggapan bahawa kewujudan model penilaian KIPP berupaya menyakinkan pihak perancang, pereka bentuk dan pelaksana kurikulum berasa lebih yakin apabila melaksanakan suatu kurikulum di sekolah kerana ianya menjadi petunjuk arah atau panduan dalam melakukan kerja pelaksanaan dan penilaian kurikulum yang lebih berkualiti. Oleh yang demikian jelas menunjukkan bahawa model penilaian KIPP bertindak sebagai pandu arah kepada suatu program yang telah atau pun sedang dijalankan.

Penilaian model pembelajaran yang berlandaskan model penilaian KIPP menjadi penyumbang kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran. Sehubungan dengan itu peningkatan kepada kedua-dua elemen tersebut adalah berpunca daripada pengalaman dan penggunaan teknologi (Tiantong dan Tongchin, 2013). Dengan demikian menunjukkan kepentingan pengetahuan dan kemahiran dalam peningkatan model pembelajaran juga boleh dinilai melalui model penilaian KIPP.

Berkaitan kenyataan Azizi, Jamaluddin, Shahrin dan Noordin (2010) berpendapat model penilaian KIPP lebih menjurus kepada aspek pengumpulan



maklumat yang bertujuan untuk membuat suatu keputusan yang berkaitan dengan kajian. Oleh yang demikian maklumat yang telah diperoleh bertindak sebagai panduan dalam usaha memantapkan program tersebut pada peringkat perancangan, penyusunan dan pelaksanaan serta penghasilan. Maka hasil kajian yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa sama ada ingin meneruskan, memperbaiki, menambah atau pun memberhentikan sahaja program tersebut.

Berdasarkan pendapat Alias, Norhayati, Tajularipin dan Aminuddin (2012) pula menyatakan bahawa pemilihan model penilaian KIPP amat bersesuaian dalam usaha membuat penilaian kursus separa perubatan. Ini adalah kerana ianya mempunyai kesemua komponen penting dalam penilaian kurikulum atau pun program. Dalam pada masa yang sama dapat membantu pihak kementerian dan *stakeholder* untuk membuat keputusan. Keputusan boleh dibuat sama ada kurikulum yang sedia ada diteruskan, dipinda atau diganti dengan kurikulum yang baharu dan yang lebih menepati kehendak pihak kementerian dan negara. Maka jelas menonjolkan bahawa tujuan utama model penilaian KIPP adalah bertujuan membuat sebarang keputusan yang rasional untuk suatu program.

1.8 Batasan Kajian

Berdasarkan Kenneth, Rebecca dan Eunice (2012) menyatakan persampelan rawak mudah digunakan apabila populasi bersifat heterogenus yang menjadikan sampel tersebut paling sesuai dijadikan sampel sasaran. Berkaitan dengan itu pengkaji menggunakan persampelan rawak mudah yang hanya memfokuskan tujuh buah negeri terlibat secara langsung dalam program *MKMF*. Antara negeri yang terlibat





dalam kajian ini adalah seperti negeri Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Jumlah keseluruhan negeri yang terlibat dengan program *MKMF* adalah sebanyak 11 buah negeri. Berkaitan dengan itu syarat utama untuk tahun penglibatan dalam kajian ini adalah lima tahun dan ke atas.

Kajian ini hanya melibatkan para peserta *MKMF* dalam melakukan proses penilaian program *MKMF*. Namun demikian kajian ini tidak langsung melibatkan pihak penganjur utama mahu pun pihak penganjur bersama. Hal ini adalah disebabkan oleh pengkaji ingin mengetahui sejauh mana persepsi peserta *MKMF* dan keberkesanan program yang telah disertai. Seterusnya pengkaji membangunkan kerangka pelaksanaan program *MKMF* yang bersesuaian untuk memastikan kelancaran program tersebut agar ianya nampak lebih sistematik dan kemas serta melakukan proses penambahbaikan secara berterusan.



1.9 Definisi Operasional

Istilah-istilah yang diguna pakai dalam kajian ini didefinisikan dengan jelas dan teliti adalah seperti di bawah:

1.9.1 Program *My Kampung My Future*

Program anjuran pihak MOA dan agensi-agensi lain bermula pada tahun 2012 yang berkonsepkan sektor pertanian dan bidang keusahawanan sekaligus. Malahan turut melibatkan sektor penternakan, sektor perikanan, industri pemprosesan makanan dan IKS yang juga berada dalam lingkungan sektor pertanian. Matlamat utama program





ini adalah untuk menarik minat golongan belia luar bandar menceburi sektor pertanian khasnya dalam usaha menonjolkan keunikan dan kepelbagaian sektor-sektor tersebut kepada umum. Dalam pada masa yang sama turut menjamin kecukupan sumber bekalan makanan dan mengurangkan kadar pengangguran serta penghijrahan di kalangan belia ke bandar.

1.9.2 Penilaian Program

Penilaian program yang diguna pakai dalam kajian ini adalah model penilaian KIPP hasil idea Stufflebeam 1971 yang meliputi empat dimensi utama iaitu konteks, input, proses dan produk. Menurut Gay (1985) aspek penilaian merupakan suatu proses yang sistematik semasa proses mengumpul dan menganalisis data dalam usaha memastikan pencapaian suatu objektif. Penilaian yang sistematik kebiasaannya dipengaruhi oleh maklumat yang boleh dipercayai dalam membuat sebarang keputusan.

1.9.3 Model Penilaian KIPP

Model penilaian KIPP telah direka oleh Danial L. Stufflebeam pada tahun 1970 terdiri daripada empat dimensi iaitu K (Konteks), I (Input), P (Proses), P (Produk). Model penilaian ini sering digunakan untuk melakukan proses penilaian sama ada sebelum, semasa atau pun selepas suatu program dijalankan. Pengkaji juga boleh memilih hanya satu dimensi sahaja atau pun menggunakan kesemua dimensi semasa melakukan proses penilaian program. Model penilaian ini amat menitik beratkan





proses penambahbaikan secara berterusan terhadap suatu program (Stufflebeam, 1970).

1.9.4 Dimensi Konteks

Penilaian konteks adalah merupakan keperluan awal yang terkandung dalam suatu program atau aktiviti yang lebih memfokuskan persekitaran yang sedang dan telah dihadapi. Penilaian dalam dimensi ini meliputi isu, masalah dan limitasi dalam menjalankan program. Antara tujuan penilaian dimensi konteks adalah mengukur dan menterjemah serta mengesahkan hal berkaitan perjalanan dalam suatu program serta mampu menentukan kejayaan atau kegagalan dalam suatu program (Stufflebeam, 1971).



1.9.5 Dimensi Input

Penilaian input merupakan kebolehan suatu sistem dalam usaha mengendalikan program atau aktiviti yang berpandukan sumber dan strateginya yang tersendiri. Dimensi input juga digunakan oleh pengkaji dalam melakukan tindakan awal bertujuan meningkatkan strategi dengan melakukan penyusunan semula bagi keputusan yang telah wujud. Penilaian input bertujuan mengubah strategi yang ada kepada yang lebih baik serta mampu memenuhi perancangan prosedur dan perbelanjaan. Dalam pada masa yang sama mampu menentukan tahap penggunaan yang lebih positif untuk mencapai suatu kejayaan (Stufflebeam, 1970).





1.9.6 Dimensi Proses

Penilaian proses pula merupakan pengurusan dalam suatu program. Pengkaji perlu melakukan proses pengendalian dan penyemakan setiap perancangan agar proses penilaian dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan efisien. Antara tujuan penilaian dimensi proses adalah untuk mengetahui perjalanan dalam suatu program agar mencapai matlamat dan objektif yang positif serta membanggakan (Stufflebeam, 1971).

1.9.7 Dimensi Produk

Penilaian produk juga dikenali sebagai penilaian hasil yang bertujuan untuk menghubungkan aspek matlamat dengan dimensi konteks, input dan proses dengan keberhasilan suatu program. Pada kebiasaannya tahap keberjayaan dalam suatu program boleh diukur dengan perubahan yang telah berlaku (Stufflebam, 1970).

1.9.8 Keberkesanan Program

Keberkesanan program dalam kajian ini merujuk kepada kemampuan pihak berkaitan menarik minat lebih ramai golongan belia melibatkan diri dalam sektor pertanian dan mampu memberikan kesan yang mendalam dan positif kepada peserta program *MKMF* dalam sektor pertanian yang meliputi pelbagai aspek termasuk mampu mencapai matlamat dan objektif program *MKMF*.





1.9.9 Penambahbaikan Program

Penambahbaikan program dalam kajian ini menjelaskan proses ke arah kebaikan secara berterusan yang menjanjikan impak yang positif dan memberangsangkan dalam menarik lebih ramai golongan belia menceburi sektor pertanian dan bidang keusahawanan sekaligus. Proses penambahbaikan juga boleh disulami dengan pemantauan secara berkala dalam usaha memastikan kelicinan dan kelangsungan perjalanan suatu program.

1.10 Rumusan

Dalam usaha memastikan program *MKMF* memenuhi matlamat dan objektifnya, maka proses penilaian program harus dijalankan agar dapat menilai keberkesanan program *MKMF*. Sehubungan dengan itu proses penambahbaikan secara berterusan perlu dilakukan demi menjamin kesinambungan program yang sangat bermanfaat ini pada masa hadapan. Seterusnya pembangunan kerangka pelaksanaan program *MKMF* juga wajar dibangunkan sebagai panduan bagi menjamin kelicinan dan kelangsungannya. Selain mampu menjamin kecukupan sumber bekalan makanan.

